

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N05 SUNGAI DUA

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Berdirinya saya dalam dewan persidangan yang amat mulia ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk berucap. Topik ucapan saya pada hari ini akan berlandaskan kepada satu tema utama iaitu:

Penyediaan peluang pekerjaan kepada gelandangan di Pulau Pinang

Dasawarsa ini, sama ada kita sedar atau tidak lantaran terlalu disajikan dengan pembangunan negara yang semakin gah di persada dunia. Namun disebalik itu, keadaan ini menandakan titik permulaan pelbagai cabaran dan rintangan yang bakal menghambat. Di saat kita hidup bersenang-lenang, di saat kita hidup dengan selesa, namun terdapat golongan yang nasibnya umpama langit dengan bumi jika hendak dibandingkan dengan kita yang berada di dewan ini. Golongan yang dikenali sebagai gelandangan ini haruslah lebih dititikberatkan oleh pihak kerajaan mahupun rakyat. Kita sedia maklum bahawa faktor terjerumus kepada permasalahan gelandangan ini bukanlah disebabkan oleh sifat malas mereka semata-mata, namun ia juga mendorong kepada faktor yang lain misalnya dibuang oleh keluarga tercinta, tidak mampu untuk menampung kos sara hidup yang tinggi dan sebagainya. Justeru, saya akan merungkaikan satu per satu mengapakah pihak kerajaan harus menyediakan peluang pekerjaan kepada gelandangan di Pulau Pinang.

Meningkatkan kualiti hidup gelandangan untuk menampung kos sara hidup yang tinggi

Baiklah, antara salah satu sebab pihak kerajaan seharusnya menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan gelandangan kerana hal ini akan meningkatkan kualiti hidup mereka. Kita sedia maklum bahawa kos sara hidup di negara kita kian meningkat. Untuk memastikan mereka dapat menampung kos sara hidup yang begitu tinggi itu, mereka mestilah mempunyai wang simpanan sendiri. Berdasarkan kajian

kes, golongan gelandangan mempunyai latar belakang pendidikan iaitu sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan diikuti dengan Sijil Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini membuktikan bahawa mereka juga tergolong dalam kalangan orang yang berilmu tetapi mereka tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Sudah terang lagi bersuluh, mereka bukanlah seperti katak di bawah tempurung.

Selain itu, terdapat dalam kalangan gelandangan yang bekerja sebagai pembantu keselamatan, staf pembersihan, pembantu restoran dan sebagainya. Hal ini telah menunjukkan bahawa para gelandangan juga orang yang bersungguh-sungguh dalam kehidupan mereka. Akan tetapi disebabkan pendapatan bulanan mereka yang berjumlah RM 1,001 hingga RM 1,500 menyebabkan mereka tidak mampu menampung kehidupan mereka di Pulau Pinang kerana kos sara hidup yang semakin meningkat. (Astro Awani, 24 Oktober 2022). Dengan itu, pihak kerajaan seharusnya menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan gelandangan di Pulau Pinang agar kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan bertujuan untuk menampung kos sara hidup yang tinggi.

Meningkatkan ekonomi negara

Jika dilihat dari perspektif yang berbeza, kesan positif penyediaan peluang pekerjaan kepada golongan gelandangan di Pulau Pinang ialah ia akan meningkatkan ekonomi negara. Sebagaimana yang kita sedia maklum, ekonomi di negeri kita sedang berada dalam fasa pemulihan sejak virus COVID-19 menghantui hidup kita. Lantaran itu sehingga kini pihak kerajaan haruslah berusaha lebih lagi untuk mengeluarkan inisiatif-inisiatif yang efisien untuk memastikan ekonomi negara kita terus berkembang maju. Bukti yang jelas dan terkini yang berkaitan dengan perkara ini menunjukkan ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 9.3 peratus pada tiga suku pertama tahun 2022 (Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus ketika sidang media Prestasi Ekonomi Suku Ketiga Tahun 2022). Untuk memastikan ekonomi negara kian membangun dari semasa ke semasa, pihak kerajaan haruslah mencari tenaga kerja yang mencukupi dengan memberi peluang pekerjaan kepada gelandangan di negara kita. Sepertimana yang saya katakan sebentar tadi, gelandangan bukanlah terdiri dari golongan yang malas semata-mata, namun mereka

juga pernah bekerja. Jadi tidak salahlah jika pihak kerajaan menggunakan peluang ini untuk menjana ekonomi negara.

Mengurangkan kadar pengangguran di Pulau Pinang

Jika ditinjau dari skop yang lebih luas lagi, penyediaan peluang pekerjaan kepada gelandangan sudah pastinya akan mengurangkan kadar pengangguran di negeri kita ini. Sepertimana yang kita semua tahu, bilangan tenaga buruh di negeri ini kian meningkat dan hal ini telah menyekat peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri kita. Berdasarkan perangkaan terkini yang diperoleh didapati kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi direkodkan iaitu pada 69.0 peratus Terdapat dalam kalangan gelandangan bukanlah mengemis atau menjadi kutu rayau secara keseorangan, malah ada yang di antara mereka yang bersama anak kecilnya. Kita sebagai manusia yang berperikemanusiaan sudah pasti tidak sanggup melihat perkara ini berlaku di negeri kita. Akhir sekali, kajian mendalam dan menyeluruh perlu dilakukan oleh pihak berkenaan dalam merangka satu pelan tindakan untuk membantu golongan gelandangan di mana akan menjadikan golongan ini tidak lagi terpinggir di negara sendiri.

Sekian, terima kasih.

Iman Khaleelah binti Mohamad Hamdan

N05 Sungai Dua

Sidang Muda 2022/23

